

**TEKS PERGULUNGAN**  
**PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022**  
**PENGGAL PERTAMA**

Terima Kasih Yang Dipertua Speaker dan salam sejahtera kepada ahli-ahli Yang

Berhormat sekalian.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan yang mulia ini kerana memberi peluang kepada saya untuk membentangkan ucapan penggulungan bagi menjawab soalan-soalan berkaitan isu-isu di bawah portfolio yang telah diamanahkan kepada saya selaku Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan.

**Cadangan oleh YB Bagan Dalam untuk mengadakan zon merokok**

Negeri Pulau Pinang berhasrat menjadi negeri bebas asap rokok di tempat awam menjelang tahun 2024. Program Pulau Pinang Bebas Asap Rokok (Penbar) telah mula diperkenalkan semenjak tahun 2012 yang mewartakan Kawasan Empangan Air Itam, Taman Perbandaran, Taman Botanikal, Empangan Teluk Bahang, Taman Bandar Ampang Jajar dan Empangan Mengkuang dan kemudiannya Tapak Warisan Dunia Georgetwon pada tahun 2015 turut menjadi kawasan larangan merokok. Selain itu, kawasan masjid dan rumah ibadat lain juga telah diwartakan sebagai zon larangan merokok. KKM telah menggubal deraf akta baharu iaitu mengawal semua jenis produk merokok termasuk rokok elektronik dan vape. **Generational End Game** iaitu larangan Penjualan, Pembelian Dan Pemilikan Produk Tembakau termasuk rokok elektronik dan vape kepada mereka yang lahir pada 1 Januari 2005 dan seterusnya telah dimasukkan dan sedang dalam semakan dan kelulusan. Bagi menjayakan program Penang Bebas ASAP Rokok maka zon khas untuk merokok tidak disediakan.

**Soalan daripada YB Pulau Tikus tentang tindakan kerajaan untuk meningkatkan lagi bilangan penderma darah di Pulau Pinang.**

Kita sedar bahawa pihak hospital sering kali berhadapan dengan masalah kekurangan bekalan darah. Strategi Tabung Darah untuk mengatasi masalah ini serta menampung keperluan permintaan darah adalah dibuat melalui pelbagai

cara antaranya ialah:

- a) Mengadakan kempen derma darah melalui organisasi seperti persatuan-persatuan, kilang-kilang serta badan-badan bukan kerajaan(NGOs).
- b) Menghantar surat peringatan kepada penderma darah yang biasa dan kurang aktif untuk menderma darah.

- c) Sekiranya perlu, Unit Transfusi Darah akan mendapatkan bekalan dari hospital-hospital lain.
- d) Membuat hebahan kepada orang ramai melalui media cetak dan elektronik.
- e) Berhubung dengan para penganjur kempen derma darah untuk menganjurkan sesi derma darah secara berkala setiap bulan.
- f) Mengadakan kempen-kempen kesedaran tentang kepentingan terhadap keperluan bekalan darah yang mencukupi seperti kempen-kempen kesihatan, ceramah dan sebagainya kepada orang ramai, organisasi-organisasi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan (NGOs).

Kerajaan negeri menyokong usaha pihak Persatuan Bulan Sabit Merah, St John Ambulance dan sebagainya yang aktif menjalankan kempen derma darah. Hampir setiap minggu, terdapatnya kempen menderma darah di pusat membeli-belah, pusat komuniti dan sebagainya. Kerajaan negeri juga menyambut baik aktiviti CSR yang dianjurkan oleh syarikat-syarikat dan badan-badan swasta yang mengadakan aktiviti menderma darah sebagai CSR mereka. Contohnya pada tahun lepas, Penang Port Sdn Bhd telah mengadakan aktiviti CSR mereka dengan kempen menderma darah. Pihak Penang Development Corporation (PDC) juga turut menganjurkan kempen derma darah saban tahun. Semenjak 14 tahun yang lalu, sebanyak 5159 beg darah berjaya dikumpul. Kita berharap ia akan menjadi teladan dan contoh yang baik kepada organisasi-organisasi lain terutamanya agensi-agensi kerajaan untuk turut sama memperbanyakkan penganjuran kempen menderma darah dengan kerjasama pihak hospital.

#### **Cadangan yang diajukan oleh YB Bagan Dalam tentang mekanisme untuk mengawal penawaran bekalan makanan di negeri Pulau Pinang.**

Kita sedar bahawa isu sekuriti makanan juga adalah topik yang serius. Mana tidaknya apabila kita terkesan dengan kenaikan harga makanan yang mendadak akibat tempas peperangan Ukraine-Russia. Baru-baru ini, kita turut dibelenggu dengan kekurangan bekalan ayam di pasaran. Cadangan YB Bagan Dalam adalah bagus agar Jabatan Pulau Pinang memastikan keperluan makanan negeri mencukupi dan mencapai Self Sufficient Level. Bagi mengatasi masalah bekalan makanan ternakan yang kian meruncing, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedia mempertimbangkan permohonan Lesen Pendudukan Sementara (TOL). Sebuah kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada 24 Mei berkata walaupun Pulau Pinang merupakan sebuah negeriyang kecil daripada segi keluasan tanah, namun aktiviti pertanian dan penternakan amat digalakkan di negeri ini. Dalam masa yang sama, DOA Pulau Pinang mencadangkan agar sekiranya tanah TOL diberikan kepada petani untuk menghasilkan makanan ternakan, adalah wajar untuk kerajaan negeri mengurangkan cukai tanah sekiranya tanah tersebut berstatus (contoh: tanah pembangunan). Kita juga telah mengadakan perbincangan dengan Jabatan Pertanian negeri agar memanfaatkan teknologi seperti pertanian bertingkat atau lebih dikenali sebagai 'Vertical Farming' memandangkan negeri Pulau Pinang

mempunyai tanah yang terhad. Melalui teknologi ini, kita dapat memastikan hasil tanaman yang berlipat ganda bagi setiap kaki persegi tanah yang digunakan berbanding dengan penanaman secara tradisional. Selain itu, kita juga haruslah memperluaskan teknologi 'Smart Farming' agar kita dapat mengoptimalkan hasil tanaman yang mana tanaman ditanam dalam persekitaran yang terkawal. Melalui kaedah ini, kita dapat memastikan tanaman sentiasa berada dalam kondusi yang optima, lebih rendah risiko serangan penyakit dan kadar tumbesaran yang lebih cepat.

### **Cadangan YB Permatang Psair tentang penglibatan anak muda dalam pertanian.**

Perincian bantuan dan insentif yang telah ditawarkan oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian (DOA) Pulau Pinang bagi menggalakkan golongan belia untuk menceburi bidang pertanian sebagai sumber pendapatan utama adalah seperti berikut:

- i) **Peruntukan sebanyak RM40,000.00 bagi Program Pemberian Insentif Teknologi Pertanian Belia Tani** (merupakan insentif seperti jentera kecil pertanian);
- ii) **Tabung Usahawan Tani (TUT)** - Bagi belia yang berhasrat menjalankan projek pertanian, boleh memohon pembiayaan dalam bentuk pinjaman mikrokredit di bawah TUT Negeri Pulau Pinang. Kemudahan pinjaman adalah sehingga RM6,000.00 kepada belia berumur 40 tahun dan ke bawah. Bagi usahawan tani yang berumur 40 tahun dan ke atas pula, kemudahan pinjaman adalah sehingga RM5,000.00 dengan tempoh bayaran balik selama dua (2) tahun. Manakala untuk pinjaman kali kedua, kadar faedah yang dikenakan ialah lapan peratus (8%) setahun; dan

**Geran Agropreneur Muda (GAM)** yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI). Geran ini diberikan dalam bentuk *in-kind contribution* (IKC) atau barangan dengan nilai maksimum sehingga RM20,000.00 per individu dan ia tidak perlu dibayar balik. Selain itu, pemohon GAM boleh dipertimbangkan untuk menerima Pakej Pembiayaan dengan kadar bayaran balik sebanyak dua peratus (2%) setahun bagi pembesaran projek pertanian yang telah beroperasi sekurang-kurangnya satu (1) tahun dengan had maksimum pembiayaan antara RM50,000 sehingga RM200,000 daripada pihak Agrobank atau sehingga RM50,000 daripada pihak TEKUN Nasional bagi setiap projek. Seterusnya, pemohon GAM juga akan menerima khidmat nasihat teknikal dan latihan secara intensif yang bersesuaian melalui program-program yang akan dilaksanakan.

- iii) **Kerajaan Negeri juga menawarkan program *Farmer to Farmer*** di mana terdapat ramai orang muda yang berminat dan menceburi dalam bidang pertanian walaupun mereka bekerja sektor yang lain.

Bagi tahun 2021 sebanyak 11 komuniti terpilih dalam program ini dan telah mengeluarkan hasil.

BIL.	PERKARA	STATUS SEMASA 5 APRIL 2022	TEMPOH PELAKSANAAN/ ANGGARAN KOS
	Projek <i>Farmer to Farmer</i> Jabatan Pertanian	<p>-Projek Fasa 1 telah berjalan lancar dan pihak jabatan akan bermula dengan Fasa 2 tahun ini</p> <p>-Jabatan Pertanian juga memaklumkan bahawa tinjauan secara berkala dibuat.</p>	RM1,500,000

(b) Antara program/kursus dan latihan bagi membolehkan golongan belia melibatkan diri dalam bidang pertanian secara komersial yang telah dan sedang dilaksanakan melalui pihak DOA Pulau Pinang adalah seperti berikut:

- i. Program *Farmers Field School* (FFS);
- ii. Program Briged Tani; dan
- iii. Program Petani Pelapis.

(c) Berdasarkan rekod DOA Pulau Pinang, jumlah keseluruhan petani berdaftar di bawah bimbingan DOA Pulau Pinang sejak tahun 2008 sehingga kini adalah seramai **13,959** orang.

Hong Jia Herh

N12 Penanti

Sidang Muda 2022 Penggal Pertama

P I N A N G